

Headline	1,270 pelajar terima sumbangan program galak menabung	Language	Malay
Date	01 Jun 2011	Page No	11
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)	Article Size	91 cm²
Section	Semasa	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	176
Frequency	Daily	PRValue	528
Circ / Read	23,655 /		



1,270 pelajar terima sumbangan program galak menabung

KINABATANGAN: Seramai 1,270 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Garam Dua telah menerima sumbangan dari Ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Bung Moktar Radin untuk program menggalakkan menabung di kalangan pelajar sekolah itu.

Bung Moktar memberitahu bahawa program itu merupakan satu permulaan yang baik untuk menggalakkan setiap pelajar di sekolah itu untuk mengamalkan budaya menabung.

Amalan menabung merupakan satu budaya yang baik untuk dilakukan kerana ia akan mendidik para pelajar agar mempunyai sikap berjimat cermat, kata Bung Moktar kelmarin.

Jikalau pelajar mengamalkan budaya menabung dan mempunyai sedikit wang dalam simpanan, mereka sudah pasti dapat meringankan beban untuk membayar kos pelajaran apabila mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading pada masa akan datang, tambah Bung Moktar.

Kerajaan memang menyediakan bantuan pinjaman melanjutkan pelajaran tetapi jika pelajar itu memiliki wang simpanan sendiri mereka tidak perlu menunggu lama untuk kelulusan memohon wang pinjaman, tegas beliau.

Para pelajar hendaklah terus berusaha untuk meningkatkan prestasi pelajaran mereka sehingga ke menara gading. Hanya memiliki pelajaran sahaja akan mengubah nasib sesebuah keluarga itu untuk mempunyai kehidupan yang lebih baik berbanding pada hari ini", kata Bung Moktar lagi.

Sekiranya sesebuah keluarga itu mempunyai anak yang berpelajaran sudah pasti kehidupan akan mereka akan berubah sekaligus membolehkan mereka keluar dari garis kemiskinan, katanya.

Bung yang juga Ketua Umno Bahagian Kinabatangan merangkap Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata demikian semasa merasmikan majlis penyerahan sumbangan kepada pendeposit Tabung Haji di dewan SMK Bukit Garam 2 di sini.

Pelajar-pelajar telah diberi deposit permulaan sebanyak RM10 seorang dalam program yang mendapat kerjasama dari Tabung Haji.